**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **PENDIDIKAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PELAKSANA/PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **DG29, DG32, DG34, DG38, DG40 DG41/42, DG44, DG48, DG52, DG54** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DG29**

(c) (i) diploma dalam bidang perguruan daripada institusi perguruan tempatan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG29: RM1,698.00); atau

(ii) diploma dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG29: RM1,844.44).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DG41**

(d) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,188.00); atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,391.94); atau

(iii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,391.94); atau

(iv) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,902.98); atau

(v) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM3,209.60).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG32**

10. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG32 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG32**

11. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG32 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) berkhidmat sekurang-kurangnya 8 tahun di Gred DG29;

(d) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;

(e) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG34**

12. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG34 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG34**

13. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG34 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) berkhidmat sekurang-kurangnya 8 tahun di Gred DG32:

(c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG38**

14. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG34 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG38 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG38**

15. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG34 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG38 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun di Gred DG34;

(c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG40**

16. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG40 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG42**

17. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29, DG32, DG34, DG38 dan DG40 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG42 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memiliki kelayakan di perenggan 1 (d); dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG44**

18. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 atau DG42 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG44**

19. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG41 atau DG42 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) berkhidmat sekurang-kurangnya 8 tahun di Gred DG41/42;

(d) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;

(e) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(f) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG48**

20. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG48 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG48**

21. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG48 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) berkhidmat sekurang-kurangnya 8 tahun di Gred DG44;

(c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG52**

22. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG52 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG52**

23. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG52 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) berkhidmat sekurang-kurangnya 6 tahun di Gred DG48;

(c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG54**

24. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG54 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME-BASED* BERASASKAN KECEMERLANGAN KE GRED DG54**

25. Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG54 secara *time-based* berasaskan kecemerlangan tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) berkhidmat sekurang-kurangnya 3 tahun di Gred DG52;

(c) mencapai tahap kecemerlangan serta lain-lain syarat yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

| | | |
|---|---|---|
| **KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS DALAM KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI** | 26. | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG54 yang menunjukkan kecemerlangan terkemuka mutunya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat Perkhidmatan Pelajaran layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke Gred Khas yang lebih tinggi dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. |
| **KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI** | 27. | Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi. |

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan yang berkuat kuasa pada 1.1.2014 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 40 Tahun 2013).

**SKIM PERKHIDMATAN**
**GURU BAHASA**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **PENDIDIKAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **DG41, DG44, DG48, DG52, DG54** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   (c) ijazah sarjana muda dalam bidang pengajaran bahasa atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred DG41: RM2,289.73).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred DG41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

   (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG44**

10. Guru Bahasa Gred DG41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG44 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG48**

11. Guru Bahasa Gred DG44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG48 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG52**

12. Guru Bahasa Gred DG48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG52 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DG54**

13. Guru Bahasa Gred DG52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Guru Bahasa Gred DG54 yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI**

14. Guru Bahasa Gred DG54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Guru Bahasa yang berkuat kuasa pada 1.11.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 28 Tahun 2013).

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEGAWAI PENDIDIKAN PENGAJIAN TINGGI**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **PENDIDIKAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PELAKSANA/PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **DH29, DH31/32, DH33/34, DH39/40, DH41/42, DH43/44, DH47/48, DH51/52, DH53/54** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DH29**

(c) (i) diploma dalam bidang perguruan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi perguruan tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29: RM1,698.00); atau

(ii) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29: RM1,770.95); atau

(iii) diploma dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29: RM1,844.44); atau

(iv) diploma dalam bidang pertanian, kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan, seni bina landskap atau perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29: RM1,844.44); atau

(v) diploma dalam bidang pertanian, kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan, seni bina landskap atau perancangan bandar dan wilayah daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Sijil Kursus Perguruan Lepas Diploma yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH29: RM1,917.94).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DH41**

(d) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,289.73); atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,391.94); atau

(iii) ijazah sarjana muda kepujian dengan pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,391.94); atau

(iv) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,391.94); atau

(v) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,494.14); atau

(vi) Ijazah Sarjana Muda Sains Pertanian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,391.94); atau

(vii) Ijazah Sarjana Sains Pertanian daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,494.14); atau

(viii) ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan, seni bina landskap atau perancangan bandar dan wilayah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,494.14); atau

(ix) ijazah sarjana muda dalam bidang kejuruteraan, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan, seni bina landskap atau perancangan bandar dan wilayah daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,596.35); atau

(x) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,698.56); atau

(xi) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,800.77); atau

(xii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,902.98); atau

(xiii) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM3,005.19); atau

(xiv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan berdaftar sebagai Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM3,005.19); atau

(xv) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dan berdaftar sebagai Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan berserta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM3,107.40); atau

(xvi) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM3,107.40); atau

(xvii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM3,209.60); atau

(xviii) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41:RM2,800.77); atau

(xix) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM2,902.98); atau

(xx) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM3,107.40); atau

(xxi) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan serta Diploma Pendidikan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DH41: RM3,209.60).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c) dan 1(d) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT LANTIKAN TERUS KE GRED DH31, DH33 ATAU DH39**

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH31, DH33 atau DH39 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a),1(b),1(c) dan 2;

(b) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan; dan

(c) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN GRED DH31, DH33 ATAU DH39 TANPA IKHTISAS PENDIDIKAN**

4. Calon-calon yang tidak memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan akan ditetapkan gaji permulaan seperti berikut:

(Gaji permulaan lantikan pada Gred DH31: RM2,848.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH33: RM3,521.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH39: RM4,992.00).

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN GRED DH31, DH33 ATAU DH39 BERSERTA IKHTISAS PENDIDIKAN**

5. Calon-calon yang memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan ditetapkan gaji permulaan seperti berikut:

(Gaji permulaan lantikan pada Gred DH31: RM2,957.49/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH33: RM3,631.55/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH39: RM5,160.75).

**SYARAT LANTIKAN TERUS KE GRED DH43, DH47, DH51, DH53**

6. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH43, DH47, DH51 atau DH53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a),1(b),1(d) dan 2;

(b) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan; dan

(c) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN GRED DH43, DH47, DH51 ATAU DH53 TANPA IKHTISAS PENDIDIKAN**

7. Calon-calon yang tidak memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan akan ditetapkan gaji permulaan seperti berikut:

(Gaji permulaan lantikan pada Gred DH43: RM3,559.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH47: RM5,125.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH51: RM5,756.00/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH53: RM6,080.00).

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN GRED DH43, DH47, DH51 ATAU DH53 BERSERTA IKHTISAS PENDIDIKAN**

8. Calon-calon yang memiliki kelayakan ikhtisas pendidikan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya akan ditetapkan gaji permulaan seperti berikut:

(Gaji permulaan lantikan pada Gred DH43: RM3,728.10/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH47: RM5,353.22/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH51: RM5,974.60/

Gaji permulaan lantikan pada Gred DH53: RM6,309.00).

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

9. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

10. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

11. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

12. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

13. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

    (a) memenuhi tempoh percubaan;

    (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

14. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

15. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH32**

16. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH32 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH34**

17. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH31/32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH34 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH40**

18. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH33/34 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH40 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH42**

19. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH29, DH31/32, DH33/34 dan DH39/40 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH42 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) memiliki kelayakan di perenggan 1(d);

(c) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH44**

20. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH41/42 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH44 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH48**

21. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH43/44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH48 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH52**

22. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH47/48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DH54**

23. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI**

24. Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi yang berkuat kuasa pada 1.1.2008 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 33 Tahun 2007).

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PENSYARAH UiTM**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **PENDIDIKAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **DM41, DM45/46, DM51/52, DM53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A, Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II, Gred Khas Turus I** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM41**

(c) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41: RM2,290.00); atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41: RM2,391.92); atau

(iii) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41: RM2,494.13); atau

(iv) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41: RM2,698.55); atau

(v) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41: RM2,800.76); atau

(vi) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta menjadi Ahli Penuh Badan-badan Ikhtisas Perakaunan yang diiktiraf oleh kerajaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41: RM2,902.97); atau

(vii) Ahli Penuh Institut Akauntan Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM41: RM3,005.18).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM45**

(d) (i) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,070.00); atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia;

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,070.00); atau

(iii) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM45: RM3,380.37).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM51**

(e) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1 (d);

dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM51: RM5,855.00).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DM53 (PROFESOR MADYA)**

(f) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(d);

dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DM53: RM6,162.00).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

(g) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(d);

dan (i) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan

(ii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C:RM7,190.00).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN**

3. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pensyarah UiTM adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) mempunyai kelayakan di perenggan 1(c); dan

(b) had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

4. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

5. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

6. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

7. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

8. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

9. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

10. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DM46**

11. Pensyarah UiTM Gred DM41 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM46 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) memiliki kelayakan di perenggan 1 (d);

    (c) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang bermutu tinggi dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;

    (d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DM52**

12. Pensyarah UiTM Gred DM45/46 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DM54 (PROFESOR MADYA)**

13. Pensyarah UiTM Gred DM51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

14. Pensyarah UiTM Gred DM53/54 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred Khas C tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah UiTM;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS B (PROFESOR)**

15. Pensyarah UiTM Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred Khas B tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS A (PROFESOR)**

16. Pensyarah UiTM Gred Khas B adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred Khas A tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT GRED DM45/46 KE GRED DM54 (PROFESOR MADYA) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

17. Pensyarah UiTM Gred DM45/46 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred DM54.

**KENAIKAN PANGKAT GRED DM45/46 KE GRED KHAS C (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

18. Pensyarah UiTM Gred DM45/46 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT GRED DM51/52 KE GRED KHAS C (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

19. Pensyarah UiTM Gred DM51/52 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT GRED KHAS C KE GRED KHAS A (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

20. Pensyarah UiTM Gred Khas C yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan menunjukkan kecemerlangan akademik luar biasa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas A.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS III (PROFESOR ULUNG)**

21. Pensyarah UiTM Gred Khas A adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred Khas Turus III tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh kerajaan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS II (PROFESOR ULUNG)**

22. Pensyarah UiTM Gred Khas Turus III adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred Khas Turus II tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS I (PROFESOR ULUNG)**

23. Pensyarah UiTM Gred Khas Turus II adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah UiTM Gred Khas Turus I tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang unggul mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN KETUA EKSEKUTIF**

24. Pensyarah UiTM Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pensyarah UiTM yang berkuat kuasa pada 1.9.2010 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2010).

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PENOLONG PENSYARAH UiTM**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **PENDIDIKAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PELAKSANA** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **DM29, DM32, DM34, DM40** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   (c) (i) diploma dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred DM29: RM1,770.95); atau

   (ii) diploma dalam bidang seni lukis dan seni reka yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred DM29: RM1,770.95); atau

   (iii) diploma dalam bidang kejuruteraan, seni bina atau ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred DM29: RM1,844.44).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred DM29 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

   (a) memenuhi tempoh percubaan;

   (b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

   (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DM32**

10. Penolong Pensyarah UiTM Gred DM29 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pensyarah UiTM Gred DM32 yang kosong apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DM34**

11. Penolong Pensyarah UiTM Gred DM32 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pensyarah UiTM Gred DM34 yang kosong apabila telah:

    (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DM40**

12. Penolong Pensyarah UiTM Gred DM34 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pensyarah UiTM Gred DM40 yang kosong apabila telah:

    (a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

    (b) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PENINGKATAN SECARA LANTIKAN KE JAWATAN PENSYARAH UiTM GRED DM41**

13. Penolong Pensyarah UiTM yang menunjukkan prestasi yang cemerlang adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pensyarah UiTM Gred DM41 yang kosong mengikut syarat-syarat yang ditetapkan dalam skim perkhidmatan berkenaan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Penolong Pensyarah UiTM yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PENSYARAH UNIVERSITI**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **PENDIDIKAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **DS45, DS51/52, DS53/54,**<br>**Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A,**<br>**Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II, Gred Khas Turus I** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS45**

(c) (i) ijazah sarjana dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: RM3,070.00); atau

(ii) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina atau diploma lanjutan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Arkitek Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: RM3,070.00); atau

(iii) Ijazah Doktor Perubatan Veterinar dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: RM3,070.00); atau

(iv) kelayakan Perubatan Veterinar yang berdaftar sebagai Doktor Veterinar di bawah Jadual II Bahagian I, Akta Doktor Veterinar 1974 dan diploma lanjutan dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: RM3,380.37); atau

(v) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS45: RM3,380.37).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS51**

(d) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);

dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS51: RM5,855.00).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DS53 (PROFESOR MADYA)**

(e) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);

dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DS53: RM6,162.00).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

(f) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c);

dan (ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,190.00).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DS52**

10. Pensyarah Universiti Gred DS45 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DS54 (PROFESOR MADYA)**

11. Pensyarah Universiti Gred DS51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred DS54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

12. Pensyarah Universiti Gred DS53/54 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas C tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

    (c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

    (d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS B (PROFESOR)**

13. Pensyarah Universiti Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas B tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS A (PROFESOR)**

14. Pensyarah Universiti Gred Khas B adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas A tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:.

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT GRED DS45 KE GRED DS54 (PROFESOR MADYA) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

15. Pensyarah Universiti Gred DS45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred DS54.

**KENAIKAN PANGKAT GRED DS45 KE GRED KHAS C (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

16. Pensyarah Universiti Gred DS45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT GRED DS51/52 KE GRED KHAS C (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

17. Pensyarah Universiti Gred DS51/52 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT GRED KHAS C KE GRED KHAS A (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

18. Pensyarah Universiti Gred Khas C yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan menunjukkan kecemerlangan akademik luar biasa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas A.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS III (PROFESOR ULUNG)**

19. Pensyarah Universiti Gred Khas A adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas Turus III tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS II (PROFESOR ULUNG)**

20. Pensyarah Universiti Gred Khas Turus III adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas Turus II tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS I (PROFESOR ULUNG)**

21. Pensyarah Universiti Gred Khas Turus II adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Universiti Gred Khas Turus I tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

    (a) disahkan dalam perkhidmatan;

    (b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang unggul mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

    (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN KETUA EKSEKUTIF**

22. Pensyarah Universiti Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pensyarah Universiti yang berkuat kuasa pada 1.9.2010 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2010).

## SKIM PERKHIDMATAN
## PENSYARAH PERUBATAN

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **PENDIDIKAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **DU51P, DU51, DU53/54,<br>Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A,<br>Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II, Gred Khas Turus I** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   (a) warganegara Malaysia;

   (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

   **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU51P**

   (c) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia; dan

   (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred DU51P: RM4,123.00).

   **KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU51**

   (d) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred DU51: RM5,862.00); atau

   (ii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan kelayakan kepakaran dalam bidang perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred DU51: RM6,095.95); atau

   (iii) ijazah sarjana muda dalam bidang perubatan dan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia.

   (Gaji permulaan ialah pada Gred DU51: RM6,095.95).

dan (iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan.

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DU53 (PROFESOR MADYA)**

(e) (i) mempunyai kelayakan sepeti di perenggan 1(d);

dan (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;

(iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang sangat istimewa mutunya; dan

(iv) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(e)(ii).

(Gaji permulaan ialah pada Gred DU53: RM6,251.00).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

(f) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(d);

dan (ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;

(iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik atau perubatan yang terkemuka mutunya; dan

(iv) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(f)(ii).

(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,190.00).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan atau kepakaran berkaitan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(e)(iv) dan 1(f)(iv).

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pensyarah Perubatan yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pensyarah Perubatan boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

6. Pensyarah Perubatan dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pensyarah Perubatan Pelatih yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) memiliki kelayakan kepakaran atau ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang disyaratkan;

(c) telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Pensyarah Perubatan Pelatih;

(d) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

8. Pensyarah Perubatan yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PELARASAN DARI GRED DU51P KE GRED DU51**

9. Pensyarah Perubatan Pelatih Gred DU51P akan diselaraskan ke Pensyarah Perubatan Gred DU51 sehari selepas disahkan dalam perkhidmatan atas Gred DU51P.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

10. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

11. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DU54 (PROFESOR MADYA)**

12. Pensyarah Perubatan Gred DU51 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred DU54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

13. Pensyarah Perubatan Gred DU53/54 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas C tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS B (PROFESOR)**

14. Pensyarah Perubatan Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas B tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS A (PROFESOR)**

15. Pensyarah Perubatan Gred Khas B adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas A tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT GRED DU51 KE GRED KHAS C (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

16. Pensyarah Perubatan Gred DU51 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT GRED KHAS C KE GRED KHAS A (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

17. Pensyarah Perubatan Gred Khas C yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas A.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS III (PROFESOR ULUNG)**

18. Pensyarah Perubatan Gred Khas A adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus III tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS II (PROFESOR ULUNG)**

19. Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus III adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus II tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS I (PROFESOR ULUNG)**

20. Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus II adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Perubatan Gred Khas Turus I tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang unggul mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN KETUA EKSEKUTIF**

21. Pensyarah Perubatan Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Ketua Perkhidmatan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pensyarah Perubatan yang berkuat kuasa pada 1.1.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2012).

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PENSYARAH PERGIGIAN**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **PENDIDIKAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **DUG51P, DUG51, DUG53/54, Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A, Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II, Gred Khas Turus I** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DUG51P**

(c) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia; dan

(ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya dua (2) tahun dalam bidang berkaitan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG51P:RM4,098.00);

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DUG51**

(d) (i) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG51: RM5,860.00); atau

(ii) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan kelayakan kepakaran dalam bidang pergigian yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG51: RM6,093.59); atau

(iii) ijazah sarjana muda dalam bidang pergigian dan ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang berkenaan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar dengan Majlis Pergigian Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG51: RM6,093.59)

dan (iv) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan.

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DUG53 (PROFESOR MADYA)**

(e) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(d);

(ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;

(iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan

(iv) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(e)(ii).

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUG53: RM6,182.00).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

(f) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(d);

(ii) memiliki tempoh pengalaman bekerja yang bersesuaian sekurang-kurangnya lima (5) tahun dalam bidang berkaitan;

(iii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan

(iv) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang berkenaan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(f)(ii).

(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,190.00).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja atau kepakaran berkaitan selain daripada pengalaman yang ditetapkan dalam 1(e)(iv) dan 1(f)(iv).

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pensyarah Pergigian yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pensyarah Pergigian boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

6. Pensyarah Pergigian dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pensyarah Pergigian Pelatih yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) memiliki kelayakan kepakaran atau ijazah sarjana dalam bidang berkenaan yang disyaratkan;

(c) telah berkhidmat sekurang-kurangnya tiga (3) tahun sebagai Pensyarah Pergigian Pelatih;

(d) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

8. Pensyarah Pergigian yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda atau kursus-kursus lain yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PELARASAN DARI GRED DUG51P KE GRED DUG51**

9. Pensyarah Pergigian Pelatih Gred DUG51P akan diselaraskan ke Pensyarah Pergigian Gred DUG51 sehari selepas disahkan dalam perkhidmatan atas Gred DUG51P.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

10. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

11. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DUG54 (PROFESOR MADYA)**

12. Pensyarah Pergigian Gred DUG51 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Pergigian Gred DUG54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

13. Pensyarah Pergigian Gred DUG53/54 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Pergigian Gred Khas C tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS B (PROFESOR)**

14. Pensyarah Pergigian Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Pergigian Gred Khas B tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS A (PROFESOR)**

15. Pensyarah Pergigian Gred Khas B adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Pergigian Gred Khas A tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT GRED DUG51 KE GRED KHAS C (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

16. Pensyarah Pergigian Gred DUG51 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT GRED KHAS C KE GRED KHAS A (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

17. Pensyarah Pergigian Gred Khas C yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas A.

**KENAIKAN PANGKAT GRED KHAS TURUS III (PROFESOR ULUNG)**

18. Pensyarah Pergigian Gred Khas A adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Pergigian Gred Khas Turus III tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS II (PROFESOR ULUNG)**

19. Pensyarah Pergigian Gred Khas Turus III adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Pergigian Gred Khas Turus II tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS I (PROFESOR ULUNG)**

20. Pensyarah Pergigian Gred Khas Turus II adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Pergigian Gred Khas Turus I tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang unggul mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN KETUA EKSEKUTIF**

21. Pensyarah Pergigian Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pensyarah Pergigian yang berkuat kuasa pada 1.1.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2012).

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PENSYARAH FARMASI**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **PENDIDIKAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PENGURUSAN DAN PROFESIONAL** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **DUF45, DUF51/52, DUF53/54,**<br>**Gred Khas C, Gred Khas B, Gred Khas A,**<br>**Gred Khas Turus III, Gred Khas Turus II, Gred Khas Turus I** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DUF45**

(c) (i) ijazah sarjana dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Farmasi Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUF45: RM3,070.00); atau

(ii) ijazah doktor falsafah (PhD) dalam bidang farmasi yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar penuh dengan Lembaga Farmasi Malaysia.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUF45: RM3,380.37).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DUF51**

(d) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c) di atas;

(ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUF51: RM5,855.00).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED DUF53 (PROFESOR MADYA)**

(e) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c) di atas;

(ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DUF53: RM6,162.00).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

(f) (i) mempunyai kelayakan seperti di perenggan 1(c) di atas;

(ii) membuktikan tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya; dan

(iii) mempunyai pengalaman berkaitan yang luas dalam bidang-bidang yang berkenaan.

(Gaji permulaan ialah pada Gred Khas C: RM7,190.00).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

3. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

4. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

5. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA**

6. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

8. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

9. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DUF52**

10. Pensyarah Farmasi Gred DUF45 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred DUF52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DUF54 (PROFESOR MADYA)**

11. Pensyarah Farmasi Gred DUF51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred DUF54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalm perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS C (PROFESOR)**

12. Pensyarah Farmasi Gred DUF53/54 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas C tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS B (PROFESOR)**

13. Pensyarah Farmasi Gred Khas C adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas B tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang sangat terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS A (PROFESOR)**

14. Pensyarah Farmasi Gred Khas B adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas A tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang munasabah yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT GRED DUF45 KE GRED DUF54 (PROFESOR MADYA) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

15. Pensyarah Farmasi Gred DUF45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang sangat istimewa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred DUF54.

**KENAIKAN PANGKAT GRED DUF45 KE GRED KHAS C (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

16. Pensyarah Farmasi Gred DUF45 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT GRED DUF51/52 KE GRED KHAS C (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

17. Pensyarah Farmasi Gred DUF51/52 yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan serta menunjukkan kecemerlangan akademik yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas C.

**KENAIKAN PANGKAT GRED KHAS C KE GRED KHAS A (PROFESOR) DALAM KEADAAN ISTIMEWA**

18. Pensyarah Farmasi Gred Khas C yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan menunjukkan kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat terus ke Gred Khas A.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS III (PROFESOR ULUNG)**

19. Pensyarah Farmasi Gred Khas A adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas Turus III tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang terkemuka mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS II (PROFESOR ULUNG)**

20. Pensyarah Farmasi Gred Khas Turus III adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas Turus II tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalm perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED KHAS TURUS I (PROFESOR ULUNG)**

21. Pensyarah Farmasi Gred Khas Turus II adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pensyarah Farmasi Gred Khas Turus I tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalm perkhidmatan;

(b) mencapai tahap kecemerlangan kesarjanaan yang unggul mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Kerajaan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN KETUA EKSEKUTIF**

22. Pensyarah Farmasi Gred Khas C dan ke atas adalah layak dipertimbangkan kenaikan pangkat ke gred lebih tinggi dalam jawatan Ketua Eksekutif yang kosong apabila telah:

(a) mencapai tahap kecemerlangan akademik yang luar biasa mutunya dan syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh Lembaga Pengarah Universiti;

(b) telah terbukti kemampuan dari segi pengalaman dan sumbangan dalam bidang pengajian tinggi; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pensyarah Farmasi yang berkuat kuasa pada 1.11.2013 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2013).

**SKIM PERKHIDMATAN**
**PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL/**
**PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL/**
**PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL**

| | | |
|---|---|---|
| **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** | : | **PENDIDIKAN** |
| **KUMPULAN PERKHIDMATAN** | : | **PELAKSANA/PENGURUSAN DAN PROFESIONAL (SKIM PERKHIDMATAN BERSEPADU)** |
| **GRED JAWATAN/GAJI** | : | **DV19, DV21/22, DV29/30, DV35/36, DV37/38, DV39/40, DV41/42, DV43/44, DV47/48, DV51/52, DV53/54** |
| **TARIKH KUAT KUASA** | : | **1 JULAI 2016** |

**SYARAT LANTIKAN**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) warganegara Malaysia;

(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV19**

(c) (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV19: RM1,435.12); atau

(ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV19: RM1,493.24).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV29**

(d) (i) sijil teknologi kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,549.00); atau

(ii) sijil kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,549.00); atau

(iii) Diploma Kemahiran Malaysia dalam bidang kejuruteraan atau teknologi kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 :RM1,624.20); atau

(iv) Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia dalam bidang kejuruteraan atau teknologi kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29 :RM1,699.40); atau

(v) diploma teknologi kejuruteraan dalam bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,784.80); atau

(vi) diploma dalam bidang kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah atau ukur bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV29: RM1,860.00).

**KELAYAKAN LANTIKAN KE JAWATAN PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV41**

(e) (i) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang teknologi kejuruteraan atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV41: RM2,322.00); atau

(ii) ijazah sarjana muda kepujian dalam bidang kejuruteraan, seni bina, ukur bahan, ukur tanah, ukur bangunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV41:RM2,529.00).

**SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**

2. Calon yang memiliki kelayakan di perenggan 1(c), 1(d) dan 1(e) hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

**SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEMBANTU PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV21**

3. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred DV21 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a), 1(b), 1(c) dan 2; dan

(b) mempunyai tahap pengalaman/kemahiran dan kemampuan mengajar bidang-bidang ketukangan berkenaan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV21: RM2,271.00).

**SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PENOLONG PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV35, DV37 ATAU DV39**

4. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV35, DV37 atau DV39 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a), 1(b), 1(d) dan 2; dan

(b) mempunyai tahap pengalaman/kemahiran dan kemampuan mengajar bidang-bidang ketukangan berkenaan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV35:RM3,225.00/

Gaji permulaan ialah pada Gred DV37: RM3,630.00/
Gaji permulaan ialah pada Gred DV39: RM5,015.00)

**SYARAT LANTIKAN TERUS KE JAWATAN PEGAWAI LATIHAN VOKASIONAL GRED DV43, DV47, DV51, DV53**

5. Calon adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik yang berkenaan bagi lantikan terus ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV43, DV47, DV51 atau DV53 yang kosong jika memenuhi syarat-syarat seperti berikut:

(a) memenuhi syarat lantikan seperti di perenggan 1(a),1(b),1(e) dan 2; dan

(b) mempunyai tahap pengalaman/kemahiran dan kemampuan mengajar bidang-bidang ketukangan berkenaan seperti yang ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik.

(Gaji permulaan ialah pada Gred DV43: RM3,608.00/

Gaji permulaan ialah pada Gred DV47: RM5,208.00/

Gaji permulaan ialah pada Gred DV51: RM5,857.00/

Gaji permulaan ialah pada Gred DV53: RM6,179.00).

**PENETAPAN GAJI PERMULAAN**

6. Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.

**TEMPOH PERCUBAAN**

7. Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

**LATIHAN**

8. Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**

9. Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.

**PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN**

10. Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:

(a) memenuhi tempoh percubaan;

(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan; dan

(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**PERGERAKAN GAJI TAHUNAN**

11. Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**KEPERLUAN KOMPETENSI DAN POTENSI**

12. Pegawai hendaklah memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan untuk kenaikan pangkat.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DV22**

13. Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred DV19 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred DV22 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DV30**

14. Pembantu Pegawai Latihan Vokasional Gred DV19 atau DV21/22 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV30 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (d); atau

(ii) lulus peperiksaan kenaikan pangkat;

(c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DV36**

15. Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV29/30 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV36 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DV38**

16. Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV35/36 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV38 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DV40**

17. Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV37/38 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV40 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DV42**

18. Penolong Pegawai Latihan Vokasional Gred DV29/30, DV35/36, DV37/38 dan DV39/40 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV42 yang kosong apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1(e); atau

(ii) lulus peperiksaan kenaikan pangkat;

(c) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DV44**

19. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV41/42 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV44 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DV48**

20. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV43/44 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV48 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DV52**

21. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV47/48 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV52 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE GRED DV54**

22. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV51/52 adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Pegawai Latihan Vokasional Gred DV54 tanpa tertakluk kepada kekosongan jawatan apabila telah:

(a) disahkan dalam perkhidmatan;

(b) mencapai tahap prestasi yang ditetapkan;

(c) memenuhi kriteria kecemerlangan yang ditetapkan;

(d) memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan

(e) diperaku oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**KENAIKAN PANGKAT KE KUMPULAN PENGURUSAN TERTINGGI**

23. Pegawai Latihan Vokasional Gred DV53/54 yang menunjukkan kebolehan yang terkemuka mutunya adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke gred yang lebih tinggi yang kosong dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi.

**Nota:** Skim perkhidmatan ini membatalkan skim perkhidmatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional/Penolong Pegawai Latihan Vokasional/Pegawai Latihan Vokasional yang berkuat kuasa pada 1.11.2002 (Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002).